

Kata-kata aluan daripada Ahli Lembaga Pengarah



High Touch! High Tech!

Sedang dunia kian berubah dengan kadar yang cepat, persaingan didalam sektor perniagaan turut menjadi kian mencabar berbanding sebelumnya. Dan dengan berkembangnya batasan persaingan, akan wujudnya lebih banyak produk serta peluang perniagaan baru setiap hari. Saban hari, semakin banyak sektor perniagaan yang cuba untuk membezakan diri masing-masing dari pesaing mereka dan berharap untuk merekacipta lebih banyak produk bukan aliran utama atau lebih dikenali sebagai “long-tail products” bagi membantu memaksimumkan keuntungan.

Dalam usaha untuk menghadapi persaingan yang akan datang, sebagai sebuah syarikat multinasional, kami di **K-LINK International** telah merangka halatuju kami bagi tahun 2007.

Pada tahun 2007 ini, kami akan terus memberi tumpuan dalam memajukan **K-LINK International** sebagai sebuah syarikat yang sinonim dengan istilah “Blue Ocean” dan kelebihanannya. Pada masa yang sama, kami juga akan memperkukuhkan infrastruktur dan sistem yang sedia ada.

Syarikat kami telahpun beroperasi selama tujuh tahun dan selama ini, kami telah memberikan tumpuan kepada konsep “High Touch”, iaitu untuk membentuk sebuah persekitaran korporat yang berlandaskan kemanusiaan dan komunikasi peribadi.

Sedang Syarikat kami terus maju dan dengan impak globalisasi, pelbagai barangan asing dari luar negara seperti barangan elektrik, makanan segera, Internet dan lain-lain lagi telah menyerap ke dalam kehidupan kita. Malah kebanyakannya telah menjadi sebahagian daripada budaya kita. Oleh itu, sekiranya kami tidak terus maju agar menjadi lebih kukuh, kami mungkin akan kehilangan posisi kami di pasaran pada satu hari nanti.

Oleh yang demikian, **K-LINK International** akan memperkenalkan hala tujuannya bagi tahun 2007, iaitu – “High Tech”!

Untuk meningkatkan daya saing, kami akan terus memajukan landasan baru untuk para pengedar kami yang mana kami akan

menceburkan diri ke dalam dunia canggih Internet. **K-LINK** akan menerapkan sebuah format perniagaan baru yang dikenali sebagai e-perniagaan dan ini akan merupakan satu pendekatan yang baru untuk semua pada masa akan datang.

Sememangnya, banyak syarikat tempatan telahpun menerapkan e-perniagaan ke dalam strategi perniagaan mereka, tetapi matlamat kami adalah untuk menarik minat mereka yang membeli barangan dari Internet disamping mereka yang telah masak dengan Syarikat kami. Dengan kelebihan strategi “High Touch”, kami berharap untuk menaja lebih ramai pengedar pada masa depan. Oleh itu, kami perlu sentiasa memastikan yang strategi “High Touch” kami kekal baru dan berkeupayaan untuk menonjolkan imej yang profesional.

E-perniagaan sememangnya merupakan cara yang paling efektif untuk menembusi sesuatu pasaran dalam sesebuah negara. Dengan kelebihan mempunyai cawangan di lebih 40 negara, kami percaya nama **K-LINK** akan menjadi sebahagian daripada kehidupan semua orang di sebahagian besar dunia.

Kami perlu memperkenalkan konsep peribadi sekiranya kami ingin mencipta budaya kami yang tersendiri menerusi Internet disamping konsep “High Touch” yang diamalkan, agar ia dapat membentuk satu pasangan yang ideal. Dan sedang ruang pasaran semakin meluas, pengguna kini kebiasaannya dihantui dengan pelbagai pilihan dan tawaran dalam pasaran. Ini kemudiannya akan memberikan kesan kepada proses membuat keputusan. Untuk mengatasi perubahan ini, **K-LINK** akan terus memperkenalkan lebih banyak produk baru untuk keperluan pengguna. Dengan kepelbagaian ini, kami dapat merekacipta produk bukan aliran utama bagi membantu meningkatkan hasil pendapatan daripada pelbagai sumber.

Pendek kata, visi **K-LINK** untuk tahun 2007 boleh diringkaskan kepada dua perkataan – “memperkuat” dan “mempertingkatkan”. Dalam usaha untuk menyempurnakan sistem yang sedia ada, kami perlu memperkuatkan budaya “High Touch” kami dan menerapkannya ke dalam landasan “High Tech” yang baru.